

*Tarikh Dibaca: 11 Mac 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“MENGIMARAHKAN MASJID  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

\*\*\*

*Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal** (Timbalan Pengerusi)  
**Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)  
**Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)  
**Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



## "MENGIMARAHKAN MASJID TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ أَلَا خِرَّ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكُوَةَ وَلَمْ تَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ

الْمُهَتَّدِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ، وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan pada diri saya dan sekalian yang hadir marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah dengan meningkatkan dan menambah ilmu amal dan iman. Hanya dengan bekalan itu mampu untuk kita mentaati sepenuhnya perintah yang datang daripada Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua digolongkan sebagai orang yang bertakwa di sisi-Nya.

Tajuk Khutbah pada hari ini **"MENGIMARAHKAN MASJID TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**.

## Hadirin Jumaat sekalian,

Mengimarahkan masjid bermaksud memelihara kemudahan awam dan kebersihannya supaya sentiasa dikunjungi oleh manusia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bagi mendekatkan diri kepada Allah.

Allah SWT yang memerintahkan Rasul-Nya supaya membina masjid dan memberikan petunjuk bagaimana mengimarahkannya seperti ayat 36 surah an-Nur;

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ،  
يُسَبِّحُ لَهُ، فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ



"(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang".



## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Masjid dijadikan sebagai jalan petunjuk hidayah dan melaluinya hubungan dengan Allah Tuhan Pencipta serta hubungan sesama makhluk dapat dilakukan. Hakikatnya masjid dijadikan sebagai tempat berkembangnya syiar Islam dalam sesbuah kariah, tempat membina kekuatan ilmu, iman dan akhlak, menjadi pusat perpaduan yang kukuh sesama ummah dan menjadi nadi kepada pembangunan ummah. Masjid juga merupakan kawasan zon aman dan selamat.

Dalam sejarah kegemilangan Islam, masjid adalah tempat bermulanya langkah pembangunan dan kegemilangan tamadun Islam. Betapa masjid telah berjaya melahirkan ummah yang berkualiti dan mampu mara maju kehadapan mendahului umat yang lain.

Masjid juga merupakan satu tempat di mana Allah SWT memberi jaminan kepada manusia untuk mendapat perlindungan Allah pada hari yang tiada perlindungan, iaitu lelaki yang hatinya sentiasa terikat untuk hadir ke masjid bagi menjalankan aktiviti solat, beriktikaf, berzikir, mentadabbur al-Quran, mendengar majlis ilmu dan menyertai aktiviti-aktiviti yang lain.

## **Sidang jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Untuk mencapai matlamat mengimarahkan masjid dengan sempurna, pengurusan institusi masjid perlu di perkemas dan diperkasakan agar sentiasa makmur berlandaskan hukum syarak dan undang-undang. Bagi melaksanakan maksud dan kehendak oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Majlis Agama Islam Selangor telah diberi kuasa sebagai pemegang amanah tunggal keatas masjid-masjid dan surau. Pada ketika ini terdapat 412 buah, masjid, 216 buah surau yang di berikan kebenaran mendirikan solat jumaat serta lebih 2 ribu buah surau yang



berdaftar. Majlis agama Islam Selangor telah selesai melantik pegawai dan ahli jawatankuasa masjid untuk sesi januari 2016 hingga Disember 2018. Seramai 827 orang imam, 827 orang bilal, 827 orang siak dan 5,762 orang ahli jawatankuasa, mereka dipertanggungjawabkan memikul amanah untuk mengurus pengimarahuan masjid, antaranya:

1. Mengurus dan melaksana perjalanan ibadah fardhu ain dan fardhu kifayah ahli kariah agar mereka memahami dan menghayati ajaran Islam yang syumul.
2. Mengurus kewangan masjid dan harta wakaf dengan telus dan terkawal mengikut peraturan kewangan yang disediakan.
3. Mengurus kebersihan dan keceriaan masjid sesuai dengan peranannya sebagai pusat ibadah dan pusat aktiviti masyarakat
4. Mengurus dan mematuhi segala arahan yang di keluarkan oleh pihak yang berkepentingan dengan masjid seperti MAIS dan JAIS.
5. Mengurus dan menyusun program-program majlis ilmu dan memastikan setiap penceramah yang dijemput mempunyai tauliah yang sah untuk mengelakkan daripada penyebaran ajaran sesat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Mari kita renung sejenak tentang peri pentingnya masjid ditadbir urus supaya ianya makmur dan menarik untuk dikunjungi. Kerajaan negeri setiap tahun membelanjakan ratusan juta ringgit samada untuk membina, membaiki kerosakan, meningkatkan kemudahan masjid dan surau. Demikian juga Lembaga Zakat Selangor terlibat membantu meningkatkan keperluan dan kemudahan melibatkan puluhan juta ringgit. Kutipan masjid pula ada yang



mencecah puluhan ribu ringgit setahun. Ini tidak termasuk sumbangan khas oleh individu-individu tertentu kepada masjid dan surau.

Mengikut laporan Audit Dalam, Majlis Agama Islam Selangor, masih ada masjid-masjid yang gagal menyediakan penyata kewangan pada tahun 2014 seperti yang diarahkan. Antara punca nya ialah tidak merekodkan pendapatan dan perbelanjaan kewangan masjid dengan sempurna, tidak memasukkan pendapatan ke akaun bank sebelum dibelanjakan, penyata kira-kira kewangan masjid tidak disediakan dan diperiksa dengan sempurna, pihak pengurusan masjid tidak mengikut keputusan mesyuarat, dan pelbagai bentuk kesalahan yang telah di kesan. Samada secara sedar atau tidak mereka yang diberi amanah telah gagal menunaikannya. Namun kita mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai masjid yang berjaya menjalankan tugas mereka dengan baik dan berkesan, mudah-mudahan mendapat ganjaran yang besar daripada Allah SWT.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Masjid telah berusaha mengadakan pengajian dan wang perbelanjaan yang banyak telah dikeluarkan. Tetapi dimanakah sambutan masyarakat? Mudah-mudahan perbelanjaan yang dilakukan dengan menggunakan kewangan masjid daripada sumbangan orang ramai mencapai hasrat pengimarahanaan seperti yang dikehendaki.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah SWT,**

Sedarlah bahawa pengurusan memakmurkan masjid adalah tanggungjawab bersama. Kepada mereka yang dilantik ianya bukan suatu kebanggaan dan kemegahan. Sedarlah ia adalah suatu amanah besar yang bukan sahaja di pertanggungjawabkan didunia bahkan akan di persoalkan diakhirat kelak. Bagi ahli kariah pula berilah kerjasama memakmurkan masjid



dan sentiasa peka dengan apa-apa jua yang berlaku dimasjid. Jangan biarkan institusi masjid dijadikan tempat perbalahan kepartian, sebaran fitnah, tempat mengadu domba, dan sifat-sifat keji yang boleh merosak imej Islam dan memberi kesan kepada kemakmuran masjid. Pengurusan masjid hendaklah mematuhi segala arahan, garis panduan serta pekeliling yang dieluarkan oleh MAIS dan JAIS dari semasa ke semasa agar masjid dapat ditadbir urus dengan baik dan sempurna.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita sama-sama mengambil beberapa pengajaran seperti berikut;

1. Islam menyeru supaya ummatnya menjadikan institusi masjid sebagai tempat untuk meningkatkan ilmu iman dan amal bagi penyucian jasmani dan rohani.
2. Islam mewajibkan agar masjid ditadbir urus dengan baik dan sempurna kerana ia adalah lambang syiar ajaran Islam yang Syumul.
3. Islam menuntut agar masjid di tadbir urus secara bersama kerana ia adalah institusi milik ummah yang apabila makmur sesebuah masjid maka akan makmur juga suasana masyarakat disekelilingnya.
4. Umat Islam hendaklah menjadikan masjid sebagai tempat terbina perpaduan dan kasih sayang ke arah pembinaan masyarakat dan negara yang mendapat keberkatan Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِمْنَوْا وَاتَّقُوا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ  
بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَاهُمْ  
بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ



"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan".

(Surah al-A'raf: 96).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَقْوُنَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُّجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبَحْفِظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَّاعُورَ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ



العزيز شاه الحاج. اللهم أدم العون والهدایة  
وال توفیق، والصحّة والسلامة منك، لولی عهد  
سلاعور، تغکو أمیر شاه ابن السلطان شرف  
الدین ادریس شاه الحاج فی أمن وصلاح وعافية  
بمنك وكرمك يا ذا الجلال والإكرام. اللهم أطل  
عمرهما مصلحین للموظفين والرعية والبلاد،  
وبلغ مقاصدهما لطريق الهدى والرشاد.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat



supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul  
03.03.2016

\*\*